

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

## Penularan COVID-19

# Pakar saran elak hantar anak bergejala ke sekolah

Pihak pengurusan, ibu bapa wajar ingatkan murid kepentingan jaga kebersihan diri

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ibu bapa dan pengurusan sekolah perlu bersama-sama meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan meningkatkan penjagaan kebersihan, termasuk tidak menghantar anak bergejala ke sekolah.

Pengurusan sekolah pula wajar berterusan mengingatkan murid mengenai kepentingan menjaga kebersihan diri terutama sentiasa membasuh tangan dan menggunakan pembasmi kuman berikutan kes COVID-19 yang meningkat mendadak terutama bagi kluster pendidikan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Aisah Mokhtar,

berkata selain itu pihak sekolah juga perlu terus mengingatkan murid mengenai adab batuk yang betul supaya mereka tidak lupa terutama jika tidak memakai pelitup muka.

Beliau berkata, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dengan memastikan anak mereka yang tidak sihat mendapatkan rawatan segera.

"Jika anak tidak sihat pastikan mereka berehat sahaja di rumah dan elakkan menghantar anak yang bergejala ke sekolah.

"Bagi murid yang sakit di sekolah, pihak sekolah perlu asingkan segera mereka di bilik rehat dengan pemantauan guru sementara menunggu ibu bapa datang untuk mendapatkan rawatan.

"Paling penting ketika ini adalah mengelakkan membawa anak ke tempat padat dan sesak yang boleh mendedahkan mereka kepada dijangkiti virus COVID-19," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan kes COVID-19 meningkat mendadak, dengan 11 kluster pendidikan dilaporkan bagi Minggu Epidemiologi ketiga belas 2023 (ME13/2023), dari 26 Mac hingga 1 April lalu.

Peningkatan kes dan kluster COVID-19 itu berlaku berikutan



Murid memakai pelitup muka bagi mengekang penularan COVID-19 yang kembali meningkat dalam kalangan pelajar sekolah. (Foto BERNAMA)

pembukaan semula sesi persekolahan pada pertengahan Mac lalu serta pergerakan masyarakat yang banyak ketika musim cuti sekolah yang lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata, daripada 11 kluster pendidikan dilaporkan, enam kluster membabitkan institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM).

Lima lagi, katanya, adalah kluster pendidikan lain, iaitu empat maktab dan satu TASKA.

Mengulas lanjut, Dr Siti Aisah berkata, langkah kawalan itu bukan perkara baharu.

"Namun mungkin kini kesedaran di kalangan masyarakat umum terutama dalam kalangan kanak-kanak sekolah semakin berkurangan.

"Oleh itu perlu selalu ingatkan murid dan anak kita mengenai kepentingan menjadi kebersihan

diri dan persekitaran bagi mengelakkan berlaku penularan virus seperti COVID-19," katanya.

### Tidak pakai pelitup muka

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata antara punca COVID-19 meningkat kerana campur gaul dan tidak lagi memakai pelitup muka di sekolah atau tempat awam.

Bagaimanapun, katanya, ia bukan perkara yang perlu dibimbangkan memandangkan negara meru-

masuk fasa endemik dan virus itu akan berada di mana mana sahaja.

"Namun dalam keadaan sekarang, dijangka kes akan terus bertambah tetapi tahap kes selalunya adalah rendah iaitu kategori 1 atau 2 sahaja.

"Ini memandangkan kebanya-

kan remaja juga sudah mendapatkan suntikan vaksin dan mereka yang muda ini selalunya sihat dan sistem imun mereka kukuh lagi," katanya.

Beliau berkata, bagi kes berisiko tinggi di kalangan pelajar seperti mempunyai penyakit diabetis, asma, sakit jantung, tahap imun diri rosak dan golongan orang kurang upaya (OKU), mereka perlu diberi lebih perhatian.

Katanya, ini kerana mereka lebih mudah dijangkiti dan jika dijangkiti akan terus berada di kategori yang lebih parah.

"Oleh itu amat penting pihak sekolah atau asrama memantau keadaan pelajar jika ada kes sebegini," katanya.

Berkenaan mewajibkan semula pemakaian pelitup muka di sekolah atau fasiliti pendidikan, Prof Dr Sharifa Ezat, berkata buat masa ini tidak perlu diwajibkan lagi.

Namun katanya, bagi pelajar yang mempunyai masalah kesihatan mereka diwajibkan pakai di kawasan sekolah dan fasiliti kesihatan.



Siti Aisah Mokhtar

## 595 kes baharu babit jangkitan tempatan

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 599 kes baharu COVID-19 dilaporkan kelmarin dengan 595 kes adalah penularan tempatan, manakala empat lagi kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Secara keseluruhannya, jumlah kes COVID-19 yang dikesan sejak penularannya di negara ini adalah sebanyak 5,052,337 kes.

Dengan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan sehingga kini jumlah kes aktif COVID-19 adalah sebanyak 11,312 kes.

Daripada jumlah kes aktif itu, 95.5 peratus atau 10,841 kes sedang menjalani kuarantin di rumah, selain itu empat peratus atau 458 kes mendapatkan rawatan di hospital dan 13 kes berada dalam unit rawatan rapi (ICU) dengan sembilan daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Paling tinggi pertambahan kes baharu itu dilaporkan di Selangor dengan 179 kes, diikuti Kuala Lumpur (118), Melaka (85), Perak (54), Putrajaya (36), Negeri Sembilan (22), Sarawak (21), Johor (18), Kelantan (15),

Pulau Pinang (14), Pahang (13), Perlis (11), Kedah (5) dan Labuan (1).

Hanya Terengganu tiada pertambahan kes.

Sementara itu, mengenai satu kes kematian dilaporkan kelmarin, data dipaparkan dalam laman sesawang KKMNow memaklumkan ia dikesan di Selangor.

Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban akibat penularan virus itu adalah sebanyak 36,982 kes termasuk 7,890 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

Khamis, 6 April 2023

Nasional

9

# Perlu pelan unjuran bilangan kakitangan sektor kesihatan



Anggaran hingga  
10 tahun berikutan  
kemasukan 3,000  
graduan perubatan  
setiap tahun

Oleh Essa Abu Yamin  
essabuyamin@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu ada pelan unjuran lima hingga 10 tahun mengenai sumber manusia dalam sektor kesihatan awam berikutan kemasukan kira-kira 3,000 graduan perubatan ke dalam bidang itu setiap tahun.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Dr Muruga

Raj, berkata unjuran itu penting supaya ia mencapai sasaran dalam sektor penjagaan kesihatan negara.

"Pelan itu perlu merangkumi sasaran bilangan doktor, pakar, ahli farmasi, ahli radiologi, kakitangan penjagaan kesihatan bersekutu dan kakitangan penjagaan kesihatan yang lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata MMA sudah membangkitkan perkara itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), tetapi belum menerima maklum balas.

Katanya, mungkin ada keperluan untuk suruhanjaya kesihatan melakukan perancangan un-

tuk urusan pengambilan pekerja dan menguruskan tenaga kerja penjagaan kesihatan awam serta kadar gaji sebagai keperluan dalam sektor penjagaan kesihatan.

Perkara itu mungkin berbeza dengan jabatan atau kementerian yang lain.

"Jumlah penduduk kini semakin meningkat dan begitu juga keperluan penjagaan kesihatan. Bagi menubuhkan suruhanjaya berkenaan, pembaharuan tertentu adalah diperlukan dalam soal pembiayaan penjagaan kesihatan dan sumber manusianya.

"Selain itu, kami juga mungkin perlu menyemak pengam-  
bilan pelajar perubatan bagi memadankan bekalan kepada

permintaan perkhidmatan doktor pada masa hadapan," katanya.

## Tuntutan dibuat sejak 2020

Sementara itu, Hartal Doktor Kontrak (HDK) mendakwa pihaknya sudah mula menuntut jawatan petugas perubatan berstatus kontrak diserap ke dalam sistem perjawatan tetap sejak pentadbiran Menteri Kesehatan Datuk Seri Dr Adham Baba pada 2020.

HDK dalam ciapannya di Twitter semalam berkata pada 2022 Kementerian Kesehatan (KKM) diterajui Khairy Jamaluddin, pihaknya menuntut sebanyak 4,053 perjawatan tetap tambahan pada tahun berkenaan.

"Selain itu sebanyak 1,500 perjawatan tetap tambahan setiap tahun bagi tempoh 2023 hingga 2025 serta tuntutan mengenai

cuti tugas khas perubatan, tibi, kusta dan barah juga diusulkan.

"HDK berharap kerajaan dapat terus menambah baik secara menyeluruh sektor perkhidmatan kesihatan negara ketika ini," katanya.

HDK menuntut pihaknya dapat turut sama dalam Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC).

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, penerapan doktor lantikan kontrak ke jawatan tetap dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh tiga tahun kerana mempertimbangkan implikasi kewangan kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, seramai 4,300 daripada 20,333 doktor lantikan kontrak di seluruh negara yang akan diserap ke jawatan tetap secara sekali gus, tahun ini.



Muruga Raj

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

## Pendekatan komprehensif tangani cabaran bidang kesihatan

Oleh Shafry Salim  
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pengarah, Pusat Keplimpinan dan Kompetensi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Menjelang 2030**, Malaysia akan mencapai status negara tua apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Justeru, Malaysia perlu bersedia dari segi ekonomi, terutama aspek penyediaan kemudahan dan kepakaran kesihatan untuk menghadapi status negara tua kira-kira tujuh tahun lagi.

Bermakna, Malaysia perlu merangka langkah komprehensif bagi menangani cabaran kesihatan mendatang seiring gagasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Malaysia antara negara aktif merangka dan melaksanakan pelan menghadapi cabaran kesihatan semasa.

Pandemik COVID-19 melanda dunia pada 2020 memberi tekanan hebat kepada sistem penjagaan kesihatan serta ekonomi Malaysia.

Penduduk Malaysia juga semakin terdedah kepada penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, penyakit kardiovaskular, kanser dan penyakit pernafasan hingga menjadi beban kesihatan ketara ketika ini.

Kelaziman NCD semakin meningkat dengan anggaran 73 peratus kematian. Dalam hal ini, kerajaan menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit bertujuan mengurangkan beban NCD sebanyak 25 peratus menjelang 2025.

Selain itu, kesihatan mental juga menjadi isu kesihatan kritikal di Malaysia dengan anggaran 29 peratus mengalami masalah kesihatan mental.

Malaysia turut menghadapi peningkatan populasi golongan tua dengan bilangan orang berusia 65 tahun ke atas diunjurkan meningkat daripada 7.3 peratus pada 2019 kepada 14.5 peratus pada 2040.

Penuaan dikaitkan dengan pelbagai isu kesihatan, termasuk NCD, kesihatan mental dan pengasingan sosial. Maka Dasar Warga Emas Negara diwujudkan bagi membantu golongan itu untuk lebih berdikari, dihormati, mampu mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia turut menghadapi pelbagai cabaran, termasuk sumber terhad, akses tidak sama rata kepada penjagaan kesihatan dan populasi penduduk semakin tua.

### Laksana pelbagai inisiatif

Menyedari perkara ini, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menanganinya, termasuk mewujudkan Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional dan skim insurans MySalam, yang menyediakan perlindungan kewangan untuk isi rumah berpendapatan rendah.

Prasarana kesihatan negara juga perlu terus di-

peringkatkan selaras peningkatan populasi. Pada ketika ini, rakyat tempatan terpaksa bersaing dengan warga asing bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan di hospital atau klinik kerajaan.

Kepadatan pesakit di hospital kerajaan juga perlu diberi perhatian serius supaya langkah lebih konsisten bagi mempertingkatkan kualiti serta akses kesihatan untuk seluruh rakyat dapat dilaksanakan.

Dalam hal ini, penggunaan teknologi maklumat perlu diperuaskan kepada seluruh kelompok masyarakat sebagai usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan pelanggan di premis kesihatan.

Pengenalan sistem janji temu menggunakan MySejahtera dalam urusan di fasiliti kesihatan kerajaan adalah contoh inisiatif baik. Ia mampu mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengurangkan masa menunggu serta mengelakkan kesesakan di ruang menunggu di hospital atau klinik kerajaan.

Mutakhir ini, sektor kesihatan awam berdepan mogok ribuan doktor kontrak. Dalam hal ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan isu berkenaan akan ditangani dalam tempoh tiga tahun.

Ini dilihat sebagai komitmen berani kerajaan walaupun menyedari ia membabitkan implikasi kewangan yang agak tinggi pada masa hadapan.

Kesimpulannya, Malaysia menghadapi pelbagai isu dan cabaran kesihatan yang memerlukan perhatian serta tindakan segera atau terancang dalam jangka pendek serta panjang.

Menangani isu ini memerlukan pendekatan komprehensif merangkumi aspek penyediaan prasarana kesihatan, sumber tenaga manusia, dana kesihatan rakyat, mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan dan penggalakkan gaya hidup sihat.

Hanya menerusi kolaborasi menyeluruh antara agensi, pemegang taruh dan penyedia perkhidmatan kesihatan, Malaysia mampu untuk mendepani cabaran dalam bidang kesihatan ini.



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Muhammad  
Zulsyamini Sufian Suri  
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

**M**asakan ayam masak merah di dewan makan yang sudah berbau disyaki penyebab 60 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gerik di Gerik dekat sini, dirawat akibat keracunan makanan sejak Isnin lalu.

Mereka didapati mengalami gejala sakit perut, cirit-birit, muntah dan sakit kepala sebelum kesemuanya dirawat sebagai pesakit luar oleh pasukan perubatan mobil.

Tiada dalam kalangan pelajar dirujuk ke hospital.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi negeri, A Sivanesan berkata, kejadian keracunan makanan itu dinotifikasi kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Perak oleh warden bertugas jam 11.30 pagi, Isnin lalu.

Kata beliau, notifikasi berkaitan kejadian diterima oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Negeri Perak, jam 11.38 pagi kelmarin.

Sivanesan berkata, verifikasi dan siasatan awal yang dibuat oleh PKD Hulu Perak mendapati, 60 pelajar tingkatan satu hingga lima ber-gejala.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati, menu ayam masak merah yang dimakan semasa waktu berbuka puasa pada Ahad lalu, disyaki penyebab kepada insiden keracunan terbabit.

"Temu bual dengan pelajar mendapati, masakan ayam itu sudah berbau semasa dimakan. Justeru, disyaki bahawa ayam mentah sudah rosak sebelum dimasak memandangkan baunya tidak menyenangkan.

"Onset terawal dilaporkan pada jam 8 malam hari yang sama (Ahad) dan onset terakhir adalah pada jam 7 pagi keesokannya," katanya pada sidang media di pejabatnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, semalam.



SURAMAI 60 pelajar MRSM Gerik mengalami gejala sakit perut, cirit-birit, muntah dan sakit kepala sebelum kesemuanya dirawat sebagai pesakit luar.

## Belum dimasak sudah rosak

60 pelajar MRSM Gerik dirawat akibat keracunan makanan sejak Isnin lalu



Temu bual dengan pelajar mendapati, masakan ayam itu sudah berbau semasa dimakan. Justeru, disyaki bahawa ayam mentah sudah rosak sebelum dimasak memandangkan baunya tidak menyenangkan"

Sivanesan



bersihan.

Pada Januari 2018, media melaporkan, 34 pelajar MRSM Gerik, dirawat apabila dipercayai mengalami keracunan makanan.

Kata Sivanesan lagi, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap isu keracunan makanan membabitkan

pengusaha yang melakukan kesalahan berulang.

"Saya pernah beri amaran kepada sebuah MRSM lain di negeri ini yang turut membabitkan isu keracunan makanan sewaktu menjawat sebagai Exco kerajaan negeri pada 2018.

"Saya maklumkan, jika kesalahan berulang, maka kontrak pengusaha itu akan dibatalkan serta-merta.

"Ya, bukan kuasa saya (membatalkan kontrak) tetapi saya sebagai Exco akan minta Jabatan Pendidikan untuk ambil tindakan segera bagi membawa pihak terbabit ke muka pengadilan.

"Tiga hari penutupan sahaja tidak cukup. Jadi saya akan melawat MRSM Gerik dalam dua ke tiga hari ini, kemudian akan bentangkan dalam mesyuarat Exco dan minta (pandangan) apa tindakan bersesuaian," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL



# Perokok baharu makin ramai

CAP utarakan kegusaran ibu bapa ekoran keputusan keluaran nikotin daripada senarai racun



SUBBARROW menunjukkan produk cecair vape.

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

## Georgetown

**D**i Malaysia, ada lima juta perokok dan 1.5 juta penghisap vape, malah saringan menerusi program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (Kotak) tahun lalu mendapati 43,000 pelajar dan 341 murid terjebak dengan rokok.

Perkara itu dikongsikan Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Aktivis, NV Subbarow semalam.

Oleh itu, menurut Subbarow, ramai dalam kalangan masyarakat bimbang sele-

pas kerajaan memutuskan mengeluarkan nikotin, yang digunakan dalam gel dan cecair untuk e-rokok dan vape, daripada senarai bahan terlarang di bawah Akta Racun 1952.

"CAP menerima lebih 10 aduan ibu bapa dan guru yang resah berikutan anak mereka bebas membeli produk vape mengandungi nikotin di pasaran.

"Aduan diterima sejak 1 April lalu, iaitu selepas kerajaan memutuskan perkara berkenaan," katanya pada kenyataan.

Menurut Subbarow, kini remaja boleh mengunjungi kedai menjual vape bagi membeli produk terbabt

yang mengandungi racun, tetapi diisytiharkan sebagai bukan racun.

Katanya, hanya individu di bawah umur 18 tahun tidak dibenar membeli rokok, tetapi racun itu terkandung di dalam vape dan terbuka luas kepada remaja serta kanak-kanak untuk diperoleh.

"Tiada logik mengeluarkan nikotin daripada senarai racun, tetapi tiada cukai bagi rokok sepanjang tujuh tahun lalu.

"Jumlah perokok baharu mungkin meningkat diseb-

babkan harga lebih rendah. Ini tidak baik bagi negara dan ia kesilapan yang amat serius," katanya.

Mengulas lanjut, Subbarow berkata, tinjauan CAP menunjukkan jumlah perokok dan vape di peringkat sekolah rendah menengah dan universiti membimbangkan.

Katanya, dengan mengena cukai baharu nikotin, kerajaan secara tidak langsung menjadikan industri tembakau lebih untung manakala golongan remaja ketagih vape dan e-rokok menjadi golongan

**"Jika tidak, mungkin semakin ramai perokok dan penghisap vape di negara ini"**  
Subbarow

yang rugi.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mesti mendengar pandangan berkaitan penggunaan nikotin. Jika tidak, mungkin semakin ramai perokok dan penghisap vape di negara ini.

"Jika kerajaan bertegas bahawa nikotin dikenakan cukai, maka rokok juga mesti dikenakan cukai," katanya.

Sehubungan itu, CAP meminta kerajaan negeri yang mengisytiharkan vape haram supaya tidak membenarkan kanak-kanak mengguna atau membeli nikotin.

"CAP mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor kerana tidak mengikut keputusan Kerajaan Perse-

kutuan yang membenarkan penjualan rokok elektronik itu," katanya.

Terdahulu, jualan vape dihalalkan bertujuan mengutip cukai daripada cecair vape. Ia berkuat kuasa pada 1 April lalu yang mana duti eksais pada kadar 40 sen dikenakan bagi setiap mililiter cecair atau gel mengandungi nikotin digunakan untuk rokok elektronik serta vape.

Pengecualian nikotin daripada Akta Racun sebelum meluluskan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok menyebabkan kanak-kanak dan remaja mendapat akses tanpa halangan kepada produk vape yang mengandungi nikotin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

## Jangkitan Covid-19 kembali melonjak

**Kuala Lumpur:** Kes jangkitan Covid-19 melonjak kembali apabila 599 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan 595 kes adalah penularan tempatan.

Empat lagi kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Secara keseluruhannya, jumlah kes Covid-19 yang dikesan sejak penularannya di negara ini sebanyak 5,052,337 kes.

Dengan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan sehingga kini jumlah kes aktif Covid-19 sebanyak 11,312 kes.

Daripada jumlah kes aktif itu, 95.5 peratus atau 10,841 kes menjalani kuarantin di rumah, selain itu empat peratus bersamaan 458 kes mendapatkan rawatan di hospital manakala 13 kes berada dalam unit rawatan rapi (ICU) dengan sembilan daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.



Paling tinggi pertambahan kes baharu itu dilaporkan di Selangor membabitkan 179 kes, diikuti Kuala Lumpur (118), Melaka (85), Perak (54), Putrajaya (36), Negeri Sembilan (22), Sarawak (21), Johor (18), Kelantan (15), Pulau Pinang (14), Pahang (13), Perlis (11), Kedah (5) dan Labuan (1). Hanya Terengganu tiada pertambahan kes.

Sementara itu, mengenai satu kes kematian yang dilaporkan kelmarin, data dipaparkan di laman sesawang KKMNow memaklumkan ia dikesan di Selangor.

Ia menjadikan sehingga kini jumlah angka korban akibat penularan virus itu sebanyak 36,982 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : LOKAL

## RUU KAWALAN PRODUK TEMBAKAU & MEROKOK 2022

# Sokonglah demi generasi muda

Oleh Suzalina Halid  
am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara perlu menyokong Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat, Mei hadapan.

Pengerusi Biro Wanita, Keluarga dan Penawar, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) Kebangsaan, Datuk Jamelah A Bakar berkata, pihak industri vape juga perlu memainkan peranan dengan menghormati hak rakyat Malaysia serta lebih bertanggungjawab menjaga kesihatan awam dengan menerima pengubalan undang-undang terbabit.

"Ini kerana didapati ada



**Pemadam yakin Perdana Menteri amat peka dengan impak kemudaran penggunaan rokok elektronik kepada rakyat Malaysia"**

Jamelah

pihak industri tembakau dan vape bertapak di Malaysia gusar serta menentang hasrat keupayaan Kementerian Kesihatan (KKM) menggubal RUU itu dan memperkenalkan dasar generasi penamat rokok.

"Adalah wajar pihak industri menghormati hak rakyat Malaysia bukan mengaut keuntungan sama-

ta-mata serta melobi pihak berkepentingan untuk memastikan produk mereka berkekalan di Malaysia," katanya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan RUU baharu yang akan mengawal selia semua produk merokok termasuk bahan merokok yang mengandungi nikotin yang di-

gunakan untuk tujuan merokok.

Malah kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan RUU baharu mengawal selia semua produk merokok termasuk bahan merokok yang mengandungi nikotin tidak akan dilengahkan dan dibentangkan Mei ini.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, pelaksanaan RUU tertangguh disebabkan mendapat banyak reaksi negatif Ahli Parlimen.

Pada masa sama, Jamelah berkata, Pemadam yakin dengan impak kemudaran penggunaan rokok elektronik kepada rakyat Malaysia.

Katanya, kebimbangan pemimpin negara itu jelas dan mahu supaya kempen advokasi kesedaran penyalahgunaan vape dan rokok dipertingkatkan.

"Pemadam yakin kerajaan yang sudah merdeka selama 66 tahun ada kewibawaan tinggi untuk menggubal satu RUU khas kepada produk tembakau dan tabiat merokok serta mengiktiraf perbuatan merokok dan menghisap vape itu memudaratkan generasi muda.

"Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok mampu menjadi teras kawalan penularan penggunaan vape serta rokok selain mengambil pendekatan memwujudkan generasi penamat rokok dalam negara.

"Ini penting demi generasi muda Malaysia yang sihat tanpa rokok," katanya.

Selain itu, Jamelah berkata, dasar percukaian diserahkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia tanpa kawal selia komprehensif terhadap produk merokok akan menyebabkan ia terus

berleluasa tanpa kawalan.

Katanya, Pemadam bimbang penggunaan rokok elektronik atau vape yang menjadi pembuka jalan kepada penyalahgunaan dadah menjadi di luar kawalan.

"Pada 2019, 300,000 pelajar sekolah di seluruh negara menjadi pengguna vape malah ketika ini dilaporkan 43,019 pelajar sekolah menengah melalui kajian KKM adalah pengguna rokok.

"Dalam masa sama, keputusan KKM mengeluarkan nikotin dari Akta Racun 1952, yang bertentangan dengan keputusan sebulat suara Ahli Lembaga Racun yang dipengerusikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah baru-baru ini, juga meninggalkan kesan negatif yang sangat besar kepada kesihatan awam negara," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NEGARA



SEBAHAGIAN pelajar mengalami keracunan makanan di MRSM Gerik pada Ahad lalu. - GAMBAR HIASAN

## 60 pelajar MRSM cirit-birit

IPOH – Seramai 60 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gerik mengalami gejala sakit perut, cirit-birit, sakit kepala dan muntah-muntah akibat keracunan makanan dipercayai selepas makan ayam masak merah ketika berbuka puasa pada Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, mangsa melibatkan pelajar tingkatan satu hingga lima yang mengalami gejala itu bermula pukul 8 malam.

"Pejabat Kesihatan Daerah

(PKD) Hulu Perak telah membuat verifikasi dan kesemua pelajar yang bergejala dirawat oleh pasukan perubatan bergerak sebagai pesakit luar," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini semalam.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, makanan yang disyaki adalah menu ayam masak merah yang dimakan pelajar terbabit pada waktu berbuka puasa pada 2 April lalu.

"Temu bual bersama pelajar mendapati, ayam mentah tersebut telah rosak sebelum dimasak

sehingga mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

"Sebanyak 10 sampel klinikal telah diambil untuk dianalisa dan dapur asrama juga diarahkan tutup selama tiga hari di bawah Akta Makanan 1983 bagi tujuan pembersihan," ujarnya.

Katanya, kejadian keracunan makanan ini bukan pertama kali berlaku di MRSM dan pihaknya meminta Jabatan Pendidikan Negeri mengambil tindakan segera terhadap pihak terbabit sementara menunggu hasil analisa sampel yang telah diambil.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

Seramai 43,360 pelajar sekolah terlibat dengan tabiat merokok mesti dipandang serius

## 'Pantau penjualan produk nikotin kepada pelajar'

Oleh MOHAMAD AMREEL IMAN  
ABD MALEK  
SHAH ALAM

**G**abungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyifatkan dapatan program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) yang menyatakan seramai 43,360 pelajar sekolah terlibat dengan tabiat merokok adalah angka mengejutkan.

Penyelaras Kawalan Tembakaunya, Muhammad Shaani Abdullah berkata, jumlah merangkumi 43,019 pelajar sekolah menengah dan 341 murid sekolah rendah itu merupakan satu perkara yang mesti dipandang serius.

Jelas beliau, sebarang aktiviti penjualan barangan tersebut terhadap golongan berkenaan wajar dipantau dengan ketat termasuk produk nikotin baharu seperti

vape yang sepatutnya diharamkan lebih awal.

"Sekarang kita sudah lihat vape semakin menjadi trend dalam kalangan anak muda. Ini bukan satu perkara yang bagus. Sepatutnya kerajaan perlu membantersanya habis-habisan.

"Namun, yang menjadi masalah ketika ini, ia dibenarkan untuk dijual dengan syarat percukaian di samping tiada akta khas yang dapat mengimbangi.

"Perkara tersebut sudah pasti menjadikan aktiviti penjualannya bertambah rancak dan memberi implikasi buruk yang baharu kepada orang ramai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Selasa, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauri memaklumkan program KOTAK yang dijalankan terhadap 3.3 juta pelajar sekolah di seluruh Malaysia itu melibatkan 1.3 juta daripada sekolah menengah manakala selebihnya adalah murid sekolah rendah.

Jelas beliau, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memperkasa program Generasi Penamat-Anti-Rokok (GEGAR-18) yang bertujuan memberi pengetahuan perundangan dan pendidikan berterusan untuk mewujudkan persekitaran bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok.

Sementara itu, Muhammad Shaani ketika mengulas mengenai penjualan kedua-dua produk berkenaan menambah, Malaysia wajar mencontohi negara maju yang lain dalam menangani penularan tabiat penggunaannya.

"Kalau di Singapura dan beberapa negara lain, barangan nikotin terkini seperti vape terus diharamkan. Mereka tidak bagi muka.



MUHAMMAD SHAANI

"Sekiranya tidak mampu, penguatkuasaan undang-undang sekurang-kurangnya perlu keras. Vape dan rokok tidak boleh dijual di lokasi yang berdekatan dengan institusi pengajian tinggi (IPT) serta sekolah sebagai langkah untuk tidak memotivasikan dalam kalangan pelajar," ujarnya.

Katanya, inisiatif membendung tabiat buruk penggunaan barangan dalam kalangan generasi muda atau bawah umur tersebut bagaimanapun perlu mendapat dukungan penuh daripada seluruh anggota masyarakat.

Muhammad Shaani berkata, sekiranya golongan yang lebih dewasa sendiri terlibat dengan tabiat buruk itu, ia tidak akan menjejaskan sebarang kesan terhadap usaha berkenaan.

## Kerajaan perlu ambil langkah interim, kawal selia vape

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu melakukan langkah interim dengan meminda peraturan sedia ada seperti Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) untuk memulakan kawal selia ke atas industri vape.

Presiden Persatuan Rokok Elektronik Runcit Malaysia (MRECA), Datuk Adzwan Ab Manas berkata, langkah itu akan memastikan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera ke atas produk vape.

Beliau memberi contoh antaranya tiada penjualan produk kepada individu bawah umur 18 tahun, pematuhan kepada ketetapan spesifikasi dan piawaian produk, membendung penyalahgunaan produk, serta kawalan ke atas aktiviti penjualan dan pemasaran.

"Dalam perkara ini, kami turut memohon agar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan industri dalam perbincangan berkenaan butiran kawal selia untuk industri vape.

"Sejak penubuhan Kerajaan Perpaduan ini, industri vape masih tidak berpeluang untuk berbincang dengan KKM berkenaan butiran kawal selia. Perbincangan bersama industri diperlukan agar peraturan yang akan diperkenalkan mengambil kira keperluan dan data terkini daripada industri," katanya pada Rabu.

Menurut Adzwan, ia langkah yang tepat dan amat diperlukan supaya industri vape dapat dikawal selia.

"Ini adalah langkah permulaan untuk membolehkan peraturan diperkenalkan ke atas industri dan kami menyokong sepenuhnya langkah yang diambil kerajaan.

"Bagaimanapun, RUU tersebut masih memerlukan perincian dan perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk industri seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri semalam (Selasa)," jelas beliau.

Beliau turut berpendapat sekiranya ia dapat dibentangkan dan diluluskan di sesi Parlimen akan datang, RUU baharu hanya akan tersedia paling awal dalam bulan Ogos manakala peraturan-peraturan berkaitan diperkenalkan pada akhir tahun nanti.

"Oleh itu, langkah interim perlu dilakukan sambil menunggu RUU baharu dibentangkan di Parlimen," ujarnya.

## Jumlah pelajar sekolah terlibat tabiat merokok amat membimbangkan

**GEORGETOWN** - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menerima lebih 10 aduan daripada ibu bapa mengenai anak-anak mereka yang bebas membeli vape mengandungi nikotin sehingga kini.

Pegawai Pendidikan CAP, NV Subbarow berkata, semua aduan tersebut berhubung keseimbangan ibu bapa terhadap kegiatan anak-anak mereka itu selepas kerajaan mengeluarkan nikotin daripada Akta Racun 1952.

Menurutnya, dapatan program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) yang menyatakan seramai 43,360 pelajar sekolah terlibat dengan tabiat merokok adalah jumlah yang amat membimbangkan.

"Sejak 1 April lalu, selepas kerajaan mengeluarkan nikotin yang digunakan dalam gel dan cecair untuk e-rokok dan vape daripada senarai bahan terlarang di bawah Akta Racun 1952, ramai ibu bapa berasa bimbang.

"Ini kerana, anak-anak mereka bebas untuk membeli vape di kedai-kedai yang semakin banyak di pasaran. Jumlah 43,360 pelajar yang menghisap rokok dan vape bukan perkara biasa. Ia amat membimbangkan," katanya dalam kenyataannya.

Beliau berkata, bukan sahaja pelajar sekolah, peratusan pelajar institut pengajian tinggi yang merokok dan menghisap vape juga membimbangkan.



Subbarow menunjukkan vape yang mengandungi nikotin yang bebas dijual di pasaran.

"Kita berharap agar Kementerian Kesihatan (KKM) mendengar pandangan berkaitan penggunaan nikotin. Ini kerana, jika KKM terlepas pandang atau tidak mengambil inisiatif, mungkin semakin ramai perokok dan penghisap vape di negara ini.

"Jika kerajaan bertegas bahawa nikotin akan dikenakan cukai maka rokok juga mesti dikenakan cukai," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut

berbangga dengan negeri Johor apabila tetap dengan keputusan mengekalkan larangan penjualan vape di negeri itu seperti yang diputuskan sejak 1 Januari 2016.

"Tahniah Johor kerana tetap dengan keputusan sejak dari 2016 lagi. KKM perlu memainkan peranan dalam memastikan negeri-negeri lain juga melaksanakan perkara sama. Jika tidak, akan lebih ramai perokok dan penghisap vape di Malaysia," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

# 'Terima kasih tidak sertai mogok'

Tinjauan mendapati doktor kontrak meneruskan tugas seperti biasa, tidak ambil cuti sebagai tanda protes

IPOH

Tiada sebarang aktiviti berkaitan mogok doktor kontrak dijalankan pada hari terakhir di semua hospital kerajaan di seluruh negara.

Tinjauan *Sinar Harian* di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Rabu mendapati operasi perkhidmatan kesihatan kepada pesakit masih berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Difahamkan, doktor-doktor kontrak meneruskan tugas seperti biasa dan tiada yang mengambil cuti sebagai tanda protes menyokong mogok yang dianjurkan di seluruh negara itu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, tiada sebarang maklumat diterima berhubung penganjuran mogok di 14 hospital seluruh negeri sejak Isnin lalu.

"Maklum balas yang diterima daripada CPO (Ketua Polis Perak) menyatakan tiada mana-mana doktor yang berkumpul di pe-

karangan hospital setakat ini.

"Pesakit-pesakit yang hadir mendapatkan rawatan seperti biasa. Perkhidmatan kesihatan merupakan satu keperluan yang tidak boleh dibuat main, jadi saya minta polis siasiat dalam yang mahu lakukan mogok ini," katanya bagi mengulas mengenai perkembangan mogok doktor kontrak di sini pada Rabu.

Sivanesan berkata, doktor lantikan kontrak perlu bersabar berikutan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah beri jaminan untuk menyerap mereka ke jawatan tetap dalam tempoh tiga tahun.

"Tahun ini 1,500 doktor kontrak akan diserap ke jawatan tetap dan sehingga tahun 2025, kesemua doktor kontrak akan diserap ke jawatan tetap.

"Saya bagaimanapun mengucapkan terima kasih kepada doktor kontrak yang tidak menyertai mogok ini, sekali gus mengelakkan mereka dikenakan tindakan tata-tertib," katanya.

Di **KELANTAN**, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengesahkan doktor kontrak di negeri tidak menyertai sebagaimana yang digembar-gemburkan sejak Isnin. Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sehingga hari terakhir pada Rabu, semua 1,494 doktor kontrak yang berkhidmat di hospital dan klinik kesihatan di negeri ini bertugas seperti biasa.

"Tidak ada mogok dilakukan mereka (doktor kontrak) termasuklah mengambil cuti sakit atau kecemasan," katanya ketika



Operasi perkhidmatan kesihatan di HRPB, Ipoh berjalan seperti biasa pada Rabu.

dihubungi *Sinar Harian*.

Sementara itu, di **JOHOR**, kesemua operasi perkhidmatan kesihatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru pada Rabu berjalan lancar.

Tinjauan mendapati kesemua unit perkhidmatan kesihatan di hospital berkenaan termasuk Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kecemasan dan Trauma dan lain-lain berjalan seperti biasa.

Menurut seorang doktor pakar yang tidak mahu dikenali, setakat ini tiada laporan berhubung mogok oleh doktor-doktor kontrak di hospital berkenaan.

Malah katanya, rata-rata doktor kontrak di hospital berkenaan tetap bertugas seperti biasa mengikut jadual ditetapkan.

"Setakat ini, memang tak ada berlaku mogok oleh doktor-doktor kontrak di HSA.

"Kita pun tak ada terima laporan (mogok) tu di sini (HSA)," ujarnya.

Di **PAHANG**, keadaan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan tenang dan semua perkhidmatan perubatan berjalan lancar seperti biasa.

Berdasarkan pemerhatian, kesemua unit perkhidmatan kesihatan di hospital berkenaan



Perkhidmatan perubatan di HSA, Johor Bahru juga berjalan lancar.

sebagai Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kecemasan dan Trauma dan lain-lain beroperasi seperti sedia kala.

Pengawal keselamatan di hospital terbabit turut memaklumkan setakat tiga hari ini, tiada kawalan ketat dilakukan sebaliknya hanya melakukan mereka kerja-kerja kawalan.

Azizah Talib, 59, yang datang ke hospital bagi temu janji doktor memaklumkan tidak mempunyai masalah untuk mendapat rawatan di sini.

"Saya baru sahaja jumpa doktor hari ini (Rabu), mereka

baik sahaja menjalankan pemeriksaan terhadap saya dan pesakit lain.

"Saya puas hati dengan khidmat dan layanan doktor di hospital ini," ujarnya yang menghidap penyakit kencing manis, darah tinggi dan lelah.

Sebelum ini, kumpulan doktor kontrak telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka merancang mengadakan mogok selama tiga hari bermula Isnin kerana membantah dasar pelantikan pegawai perubatan kontrak yang dilaksanakan sejak tujuh tahun lalu.

## Masih belum jamin masa depan - Wakil doktor kontrak

**SHAH ALAM** - Langkah kerajaan untuk menyerap 12,800 doktor kontrak sebagai lantikan tetap masih belum menjamin masa depan mereka yang dianggarkan akan meningkat kepada 35,300 orang dalam tempoh tiga tahun.

Wakil Hartal Doktor Kontrak berkata, buat masa ini doktor kontrak di seluruh Malaysia berjumlah 20,300 dengan penambahan lebih daripada 5,000 doktor setiap tahun.

"Ini bermakna, dalam tempoh tiga tahun jumlah itu akan ada tambahan

15,000 orang, sekali gus jumlahnya akan meningkat kepada 35,300. Jika 12,800 slot, bermaksud hanya 36 peratus sahaja yang akan diserap atau nisbahnya 1 bagi setiap tiga doktor.

"Itu pastinya tidak akan memberikan jaminan keselamatan pekerjaan kepada doktor muda dan tidak mungkin ia akan menghalang doktor daripada meninggalkan perkhidmatan, seterusnya memburukkan lagi keadaan penjagaan kesihatan di negara ini," katanya kepada *Sinar Harian*. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim memaklumkan di Dewan Rakyat pada Selasa, kerajaan komited untuk menyerap seramai 12,800 doktor kontrak yang tamat *housemanship* sebagai lantikan tetap dalam tempoh tiga tahun.

Langkah itu, katanya, dimulakan dengan menyerap hampir 4,300 pegawai kontrak sebagai lantikan tetap tahun ini.

Baki pegawai kontrak yang disasarkan untuk diserap menjelang 2025 dianggarkan melibatkan peruntukan tambahan sekitar RM1.7 bilion.

Pada Isnin lalu, Sekretariat Hartal

Doktor Kontrak menggesa Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa untuk memasukkan Hartal Doktor Kontrak sebagai ahli dalam Jawatankuasa Peringkat Tinggi bagi mewakili para doktor kontrak di negara ini.

Jelas sekretariat itu, tanpa perwakilan daripada pihak yang belum, usaha jawatankuasa tersebut dalam menyelesaikan isu doktor kontrak itu tidak akan memberi sebarang impak, sebaliknya sama seperti yang dilakukan oleh jawatankuasa lain sebelum ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA

## Rokok dan vape: Kenapa susah sangat nak bertegas?

**KENYATAAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sidang Parlimen kelmarin bahawa kerajaan tidak akan mengambil tindakan ekstrem untuk mengawal selia semua produk rokok, termasuk mengharamkan vape, pastinya menimbulkan pelbagai reaksi.

Menurut Perdana Menteri, tindakan mengharamkan dua produk berkenaan tidak akan membendung masyarakat daripada meneruskan tabiat mereka selain ia tidak mampu dilaksanakan oleh mana-mana negara di dunia.

Keputusan ini pasti menjadi berita gembira kepada perokok dan penghisap vape tegar. Namun, golongan profesional terutama doktor perubatan dan masyarakat yang prihatin dengan kesihatan diri, sudah pasti kecewa. Mengapa terlalu sukar untuk kerajaan bertindak tegas, sedangkan keburukan rokok dan vape ini sudah nyata?

Persatuan Perubatan Malaysia sebelum ini mengesakan Kementerian Kesihatan mengkategorikan perokok sebagai kumpulan berisiko tinggi. Kajian juga mendedahkan bahawa penggunaan rokok elektronik termasuk vape pada satu jangka masa panjang memberi kesan kepada penyakit kardiovaskular.

Cadangan kerajaan untuk sekadar mengadakan kempen advokasi kesedaran bagi menolak rokok dan vape adalah terlalu biasa dan tidak sesuai lagi di zaman ini.

Tindakan mengenakan cukai tinggi agar harga kedua-dua produk itu lebih mahal dan sukar dimiliki juga tidak meninggalkan apa-apa kesan. Mereka yang sudah ketagih rokok dan vape tidak pandang walau sebelah mata pun terhadap sebarang kempen kesedaran atau harga yang melambung.

Lebih menyedihkan, ketagihan terhadap rokok dan vape juga menyebabkan mereka menolak tepi rasa malu dan jati diri. Tanpa memikirkan orang lain, perokok dan penghisap vape selamba 'berasap' di tempat awam terutama restoran yang ada kanakkanak, wanita mengandung juga orang tua, malah di depan komputer dalam pejabat tanpa rasa bersalah.

Mengapa kerajaan kita tidak boleh bertegas seperti negara jiran Singapura dan Thailand yang mengharamkan vape serta melaksanakan penguatkuasaan tegas kepada perokok?

Benar kita tidak berupaya mengharamkan sepenuhnya, namun sekurang-kurangnya melaksanakan undang-undang yang lebih keras.

Mungkin kerajaan perlu kembali tegas terhadap larangan merokok atau menghisap vape di premis makanan, juga di tempat kerja dengan mengenakan denda maksimum sekiranya tidak dipatuhi.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 25  
RUANGAN : NEGERI

## 60 pelajar MRSM Gerik keracunan makanan

Sakit perut selepas  
makan ayam masak  
merah ketika  
berbuka puasa

Oleh NOOR AINON  
MOHAMED YUSOF  
IPOH

Seramai 60 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gerik mengalami keracunan makanan dipercayai akibat makan ayam masak merah ketika berbuka puasa pada Ahad lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, pelajar Tingkatan Satu hingga Lima itu mengalami ge-

jala sakit perut, cirit-birit dan sakit kepala bermula jam 8 malam.

Bagaimanapun, katanya, tiada pelajar yang dirujuk ke hospital berhampiran.

Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Perak telah membuat verifikasi dan kesemua pelajar yang bergejala dirawat pasukan perubatan bergerak sebagai pesakit luar.

"Hasil temu bual mendapati ayam yang dihidangkan telah berbau semasa dimakan dan disyaki sudah rosak sebelum dimasak disebabkan bau yang tidak menyenangkan," katanya kepada pemberita di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Rabu.

Sivanesan berkata, sebanyak 10 sampel klinikal telah diambil untuk dianalisis.



SIVANESAN

"Dapur asrama diarahkan untuk ditutup selama tiga hari mengikut Akta Makanan 1983 bagi tujuan pembersihan.

Jabatan Pendidikan Negeri diminta mengambil tindakan segera terhadap pihak yang bertanggungjawab sementara menunggu hasil analisa sampel yang telah diambil," katanya.

Kata beliau, pihaknya tidak berkompromi terhadap isu pengendalian kebersihan makanan terutama melibatkan pelajar.

"Ini bukan kejadian pertama kali kerana MRSM Taiping pernah mengalami kejadian sama melibatkan 103 pelajar pada tahun 2018.

"Saya pernah beri amaran sebelum ini, jika berlaku keracunan makanan, kontrak pengusaha kafe-teria perlu dibatalkan serta-merta," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## *Selesai isu doktor kontrak, jenguk isu menunggu pesakit*

KELMARIN kerajaan mengumumkan 12,800 doktor kontrak akan diserap ke jawatan tetap secara berperingkat bermula tahun ini hingga tahun 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, kerajaan tidak mampu menyerap sekaligus semua kira-kira 20,000 doktor kontrak yang sedang berkhidmat di semua fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM).

Implikasi pengumuman tersebut, kerajaan terpaksa mempelembatkan tambahan RM1.7 bilion kepada kementerian. Oleh itu, kerajaan memohon kumpulan doktor kontrak memahami dan bersabar sehingga segala-galanya dipenuhi kerana ketika ini kewangan negara tidak mengizinkan.

Isu doktor kontrak berlarutan dari satu kerajaan kepada satu kerajaan sehingga kumpulan tersebut mendakwa ia bentuk diskriminasi kepakaran dimiliki mereka.

Antara jurang didakwa kumpulan itu ialah mereka dibayar gaji lebih rendah RM1,000 hingga RM2,000 sebulan, tidak layak mengikuti program sarjana selain tiada skim pencen sedangkan tugas diamanahkan sama dengan rakan berjawatan tetap.

Susulan itu, kumpulan tersebut menuntut penyerapan pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap, kenaikan gaji pokok, kadar bayaran *on-call* lebih tinggi dan pengurangan automatik dalam tempoh perkhidmatan wajib bagi pegawai perubatan kepada tiga tahun. Maknanya kepakaran doktor kontrak harus dibayar sama rata seperti rakan-rakan yang bernasib baik menerima jawatan tetap.

Selama ini kumpulan tersebut memendam rasa namun sualan dihipit kos sara hidup yang tidak membezakan pekerja kontrak atau berjawatan tetap, kumpulan tersebut tampil memperjuangkan nasib masing-masing.

Langkah drastik mengadakan mogok serentak di seluruh negara bermula 3 hingga 5 April ketika Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan pihaknya akan memuktamadkan keputusan yang bersifat 'tiada yang rugi, tiada yang rasa terpinggir'.

Bagaimanapun, kumpulan doktor kontrak meneruskan mogok dan tindakan itu walaupun tidak menampakkan impak telah mengundang Perdana Menteri campur tangan dan mengumumkan sebahagian besar doktor kontrak diberi jaminan diserap secara berperingkat.

Selama ini, luahan dan rayuan doktor kontrak hanya dijanjikan akan diteliti atau dibincang namun tiada tindakan signifikan dilakukan. Justeru, dalam tempoh kerajaan Madani, bukan sahaja isu doktor kontrak tetapi semua masalah rakyat yang diperkotak-katik pemimpin wajar diberi perhatian.

Dalam isu doktor kontrak walaupun kerajaan terpaksa berbelanja besar tetapi pulangnya akan dinikmati secara langsung oleh rakyat yang memerlukan perkhidmatan kesihatan.

Malaysia memerlukan sistem penjagaan kesihatan sempurna demi kesejahteraan rakyat. Selain rungutan doktor kontrak, KKM juga wajar menguruskan rungutan orang ramai.

Antaranya strukturkan semula masa menunggu pesakit untuk dirawat atau berjumpa doktor pakar. Janganlah ada lagi keluarga tampil menaja cerita bahawa orang kesayangan mereka meninggal dunia ketika menunggu rawatan atau menunggu tarikh berjumpa doktor.

**Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## 'Serap belum cukup jamin nasib kami'

**PETALING JAYA:** Langkah kerajaan menyerap 12,800 doktor kontrak yang tamat latihan klinikal (*housemanship*) ke jawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun masih belum memadai dalam menjamin nasib doktor kontrak di negara ini.


Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, wakil Gerakan Hartal Doktor Kontrak berkata, ini kerana jumlah yang disasarkan kerajaan itu hanya satu angka yang kecil berbanding bilangan doktor kontrak dalam tempoh tiga tahun lagi.

Justeru, katanya, doktor kontrak akan tetap tidak rasa selamat dan berkemungkinan meninggalkan sistem perkhidmatan awam.

"Langkah itu positif, tetapi mungkin tidak memadai sebab yang diserap dalam 12,000 doktor kontrak, tetapi ketika ini ada kira-kira 20,000 doktor kontrak.

"Selepas itu doktor kontrak baharu yang masuk setiap tahun dalam 5,000 orang dan apabila lagi tiga tahun jumlah keseluruhan itu akan jadi 30,000 lebih doktor kontrak.

"Jadi, dalam 30 peratus sahaja (daripada keseluruhan doktor kontrak pada 2025) yang dapat serap, yang lain akan



**LANGKAH** menyerap doktor kontrak ke jawatan tetap belum memadai dalam menjamin masa depan golongan itu kerana ribuan lagi mahasiswa akan menamatkan pengajian setiap tahun.

rasa tidak selamat jadi ramai-ramai mungkin akan tinggalkan servis," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sehubungan itu, jurucakap gerakan itu menambah, pihaknya juga tidak menolak ke-

mungkinan ramai doktor yang lain akan berterusan meninggalkan perkhidmatan kesihatan awam sekiranya kerajaan terus kekal dengan kaedah itu.

Katanya, ini kerana doktor kontrak yang lain tidak akan

merasa selamat dan terjamin dalam sistem kesihatan ini.

"Sekarang pun ramai sudah tinggalkan servis sebab rasa tidak selamat, jadi jika kaedah begini, ramai mungkin akan berterusan ikut," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : RENCANA

# Pecah kawalan nikotin, racuni rakyat

UIAM  
BERHUKUM



Oleh  
Dzulkipli Abdul Razak


**A**PA itu nikotin? Ia sejenis sebatian kimia semula jadi berada pada daun tembakau dalam kandungan agak tinggi. Sifat racunannya ternyata apabila ia berkesan membunuh serangga dan turut terkesan apabila haiwan lain memakan tumbuhan yang mengandungi nikotin. Maksudnya, nikotin tetap berbahaya dalam apa bentuk sekalipun.

Bagi daun tembakau di dalam sebatang rokok, nikotin 'dilepaskan' apabila rokok dinyalakan dan dihisap. Kemudian turut terserap ke dalam saluran darah. Ia boleh merangsang otak secara amnya dan menjadikan rokok bahan 'kegembiraan' para penggunanya. Tembakau mentah sebagai sentil (dikunyah terus) juga boleh memberi kesan yang sama apabila larut dalam air liur dan juga terserap ke dalam saluran darah.

Maka, nikotin boleh meningkatkan kadar denyutan jantung dan tekanan darah. Ramai wanita memilih merokok kerana ingin melangsingkan diri hasil tindakan nikotin ke atas pusat selera di otak. Umumnya, kegunaan jangka panjang berkesudahan dengan ketagihan, di samping mengalami pelbagai gejala lain yang lebih memudaratkan kesihatan.

Tidak kurang kaitannya dengan barah atau kanser mulut, tekak dan paru-paru serta sistem pernafasan yang tersumbat menyebabkan sukar bernyawa dengan selesa akibat pelbagai tindakan bahan sampingan lain.

Dalam sebatang rokok terdapat ribuan jenis racun lain, tetapi nikotin adalah antara yang utama dari segi ketagihan. Oleh kerana itu jugalah, perokok dan pengguna tembakau amat sukar menghentikan tabiat ketagihan tembakau akibat nikotin. Baik dalam asap



VAPE didakwa satu lagi dakyah rekaan industri tembakau yang mahu nikotin dijadikan bahan dagangan. - AFP

**Pihak berwajib ini perlu mendahulukan nasib anak bangsa yang daif berbanding pemain industri yang rakus."**

rokok sekalipun terdapat nikotin dan boleh terhidu, khususnya keluarga, di persekitaran.

Ini dikenali sebagai 'merokok sekunder' dan boleh mendatangkan kemudaratan yang sama dialami perokok. Mungkin lebih buruk lagi kerana menghidu secara terus tanpa apa-apa penapis. Akhirnya, mereka yang berpaut kepada nikotin mendapati sistem tubuhnya mula sebat dengan kesan nikotin di dalam badan.

Bak tidak dapat 'hidup' nyaman tanpanya. Inilah dia kesan ketagihan pada hakikatnya. Sekiranya tidak mendapat bekalan nikotin, badan mereka akan mengalami pelbagai kesengsaraan dan gejala, antara lain sakit kepala, keresahan dan perasaan

mudah tersinggung.

Oleh itu, tidak tenteram; umpama yang sering terlihat pada seorang perokok kehabisan bekalan tembakau, yakni nikotin. Keadaan ini jelas kelihatan dalam jangka masa dua hingga tiga hari dan bersambungan untuk beberapa minggu dan bulan berasaskan tahap ketagihannya.

Lebih 20 tahun lalu, pada 16 Mei 1998, Ketua Pakar Bedah Amerika Syarikat ketika itu, Dr. Everett Koop ada mengumumkan bahawa ketagihan nikotin boleh setanding dengan ketagihan bahan berbahaya seperti heroin dan juga kokain. Malah, candu sekalipun walaupun ada yang tidak bersetuju.

Apa pun ternyata nikotin mempunyai kesan ketagihan amat tinggi. Sebab itu ia terangkum di bawah Senarai Racun mengikut Akta Racun 1952 sejak begitu lama. Melalui cara ini, penggunaan boleh dikawal dan dihadkan supaya tidak mudah disalah guna baik dalam bentuk gel atau larutan untuk kegunaan rokok elektronik (vape).

**VAPE HIDANGAN 'RAHMAH'?**

Vape sengaja dicipta sebagai satu kaedah merokok tanpa mengeluarkankan

asap yang mencemarkan.

Kegunaan melalui vape atau e-rokok memerlukan teknik pemanasan secara elektronik supaya cecair yang mengandungi nikotin bertukar menjadi wap dan disedut sebagaimana rokok biasa.

Oleh itu, lazimnya alat e-rokok dilengkapi tiga bahagian iaitu alat pemanas (*atomiser*), tempat menampung cecair nikotin dan bateri yang memberi kuasa untuk berfungsi. Apabila disedut, bateri akan memanaskan cecair nikotin bertukar menjadi wap.

Apa pun kesan, akibat serta kemudaratan hampir-hampir serupa nikotin yang berbisu dan mengakibatkan ketagihan; tiada beza dengan menghisap rokok. Wap yang terhasil tidak semestinya bersih seperti yang sering didakwa.

Sebenarnya vape adalah satu lagi dakyah rekaan industri tembakau yang mahu nikotin dijadikan bahan dagangan atas sifat ketagihannya. Khusus mensasar golongan remaja yang kurang arif tentang kesan buruk nikotin, kelompok yang menghadapi gangguan perasaan atau kacau-bilau dan stres, serta mereka dari lapisan sosioekonomi rendah dan umumnya kurang berada.

Dengan kata lain, kumpulan ini mudah diperkotak-katikan oleh industri gergasi untuk meraih keuntungan tanpa mempedulikan kesihatan anak-anak muda ini.

Di sinilah peranan Kementerian Kesihatan khususnya dan kerajaan amnya penting sebagai pelindung kesihatan rakyat dan masa hadapan mereka. Yakni pihak berwajib ini perlu mendahulukan nasib anak bangsa yang daif berbanding pemain industri yang rakus dan tamak dalam desakan memonopoli pasaran.

Pembuat keputusan yang peka dan celik minda, sedar tentang muslihat ini dan tahu bertindak mengatasinya seperti di Brunei, Kemboja, Laos, Singapura dan Thailand. Bahan vape diharamkan atau ketatkan penjualan dengan edarannya sesuai dengan syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tambahan, beberapa badan profesional tempatan baik Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Ahli Farmasi Malaysia dan Pusat Galen untuk Dasar Kesihatan dan Sosial turut menolak ura-ura mengeluarkan nikotin dari kawalan Akta Racun berkenaan. Mereka membantah syor kerajaan kerana ia bertentangan dengan amalan terbaik kesihatan umum sejagat.

Malangnya, semua ini tidak dihiraukan sama sekali apabila nikotin mulai 1 April bebas diperdagangkan, umpama jualan gula-gula kepada kanak-kanak! Malah, di mana sahaja tanpa apa-apa sekatan seolah-olah ia barangan selamat. Sifat racunan dan ketagihan diselindungi.

Satu pembbohongan yang disengajakan, apatah lagi pada bulan rahmah, Ramadan al-Mubarak! Serupa dengan meracuni semangat Ramadan, membawa kepada hari raya mendatang apabila 'nikotin' bak juadah istimewa ala menu 'rahmah' bagi rakyat jelata khususnya B40. Satu pencabulan terang-terangan yang sukar dimaafkan - zahir dan batin - oleh pihak tertipu!

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 32  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# 1,494 doktor kontrak tidak mogok di Kelantan

Oleh YATIMIN ABDULLAH  
yatimin.abdullah@mediamula.com.my

**KOTA BHARU:** Semua 1,494 orang doktor kontrak yang bertugas di hospital dan klinik kesihatan di negeri ini bekerja seperti biasa walaupun ada pihak mengajak mereka untuk melakukan mogok.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, pada masa sama kumpulan doktor kontrak tidak mengambil sebarang cuti atau cuti kecemasan sepanjang tiga hari mogok dilan-

carkan bermula Isnin.

"Tidak ada doktor kontrak di negeri ini yang terlibat atau menjayakan mogok tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) mendapati operasi kesihatan berjalan lancar dan mengikut jadual seperti biasa tanpa sebarang masalah.

Sementara itu seorang doktor kontrak yang enggan dikenali mendedahkan dia memilih untuk tidak terlibat dengan mogok tersebut yang disifatkan

bercanggah dengan etika kedokteran.

Katanya, dia lebih selesa meletakkan kepentingan masyarakat dihadapan kerana ia melibatkan soal nyawa.

"Bagaimanapun saya bersetuju dan menyokong penuh segala tuntutan yang disuarakan itu.

"Saya harap kerajaan dapat melihat dan meneliti tuntutan tersebut dengan sebaik mungkin bagi memastikan kebajikan doktor kontrak terbela. Hal ini kerana kami mempunyai keluarga yang perlu ditanggung," tegasnya.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : VIEWS

IN light of Budget 2023, under which the Health Ministry received the second largest allocation after the Education Ministry, the National Kidney Foundation (NKF) proposes that the government re-strategise the dialysis funding process to improve the health outcomes of patients, especially the poor and hardcore poor.

According to the Department of Statistics Malaysia (DOSM), this demographic of the population has increased by 39.4% and 73.2%, respectively, between 2019 and 2021.

As of Dec 31, 2021, 49,770 patients had been diagnosed with end stage renal disease (ESRD) and are now under dialysis treatment. Of these, 48.1% are funded by the government, 23.2% by Socso and 12.2% by zakat/baitulmal. The rest are out-of-pocket, sponsored by NGOs or subsidised by employers.

## Better treatment for kidney patients

Although the government funds almost 50% of dialysis treatment, the current subsidy values differ across various agencies, making it difficult for patients to receive consistent quality treatment.

The payment currently focuses on the cost of the actual haemodialysis procedure. This means patients must pay out-of-pocket for other necessary treatments such as vascular access procedures, oral medications, injections, laboratory tests and doctor consultations.

Based on NKF's internal data, the total cost for every haemodialysis treatment is about RM200. However, NGOs such as NKF are only reimbursed RM100-RM130 per treatment by certain government agencies.

NKF proposes that the government revisits the funding process and structure for haemodialysis by including all the necessary treatment required by the patients. These include erythropoietin-stimulating agents (ESAs) injection and parenteral iron therapy, treatment for mineral bone disease, and laboratory tests for disease monitoring.

It is paramount to subsidise these treatments to ensure that patients receive holistic and comprehensive care, a better prognosis, and longer life expectancy with the ability to return to work.

Treatment providers must also be compelled to meet certain performance/quality indicators. This would hold them accountable for achieving the desired patient out-

comes. Further discussion is warranted on this matter.

There is also an urgent need to review the overall funding strategy and allocation for other end-stage renal failure treatment modalities, namely peritoneal dialysis and kidney transplant.

NKF proposes adopting a society-wide approach when dealing with the nation's most vulnerable and under-served communities. It is imperative for all stakeholders – government departments, dialysis service providers, patient groups, NGOs and etc. – to work together towards building a more sustainable, comprehensive and inclusive funding strategy for the rakyat.

**NATIONAL KIDNEY  
FOUNDATION OF MALAYSIA**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS



**TAKING PRECAUTIONS ...** A pupil wearing a face mask after the Health DG called for measures to stem Covid-19 infections, that recorded an increase last week.  
-BERNAMAPIC

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Public urged to be wary of malaria cases

**KUALA TERENGGANU:** The Terengganu state health department has advised the public to be alert and cautious with the recent increase in malaria cases.

This was after 17 malaria cases were reported from January to April this year, compared with eight cases in the corresponding period last year.

State health department director Datuk Dr Kasemani Embong said of the total, 16 cases involved zoonotic infection, while another case was imported case.

"We found a significant increase of 112.5% this year compared with last year and the Hulu Terengganu district recorded the highest incidence with nine cases.

"However, no outbreaks or deaths due to malaria have been reported so far ... same as last year," she said.

As such, Kasemani advised the public to immediately seek treatment at a nearby clinic or hospital if they experience symptoms of malaria such as fever, chills, sweating and lethargy.

As a preventive measure, especially for those living in or near forest areas, they are advised to wear appropriate clothes that protect the whole body from mosquito bites, use mosquito repellent and avoid being outside at night.

"Those with symptoms, especially if they have a history of travelling to malaria-risk areas or returning from malaria-endemic countries such as Indonesia, the Philippines or India, should immediately seek treatment.

"I would like to remind all of you that malaria can be fatal if not treated and diagnosed early."  
- Bernama

## S'wak autonomy to benefit schools, clinics

**KUCHING:** Sarawak's autonomy to approve development projects costing less than RM50 million will help expedite efforts to repair dilapidated schools and clinics in the state.

Sarawak federal secretary Ahmad Nadzri Mohd Hassan said the Education Ministry and the Health Ministry should make use of the allocation.

"Efforts to repair dilapidated clinics can also use the same allocation (of RM50 million). This should be given immediate attention by the two ministries involved, as well as the Finance Ministry."

He said this to reporters after paying a courtesy call on Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Openg at Wisma Bapa Malaysia yesterday.

On Jan 4, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the Finance Ministry agreed for the implementation of any project with a cost below RM50 million in Sabah and Sarawak to be almost entirely decided by the state governments, subject to compliance with financial regulations.

On Jan 26, Education Minister Fadhlina Sidek said her ministry had identified 568 schools in dilapidated condition in Sarawak. - Bernama